

**BN tunggu SPR sebelum umum bertanding DUN Kajang**  
**Astro Awani**  
**Januari 28, 2014**

**PUTRAJAYA:** Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pihaknya akan menunggu pengumuman Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Kajang selepas ADUNnya [Lee Chin Cheh](#) [mengumumkan perletakan jawatan](#) pada Isnin.

Tambah Muhyiddin, adalah menjadi amalan demokrasi di negara ini bagi Barisan Nasional (BN) meletakkan calon sekiranya sesuatu kawasan itu kosong dan SPR mengumumkan perlunya ada pilihan raya.

"Mengikut amalan demokrasi di negara ini sekiranya sesuatu kawasan itu kosong dan SPR juga mengumumkan perlunya ada pilihan raya menjadi amalan biasa untuk kita meletakkan calon... takkan kita nak biar begitu saja.

Tidak kira siapapun calon diletakkan pembangkang...kita akan umum calon selepas pengumuman SPR nanti," katanya pada sidang media selepas Majlis Perutusan Menteri Pendidikan di sini pagi tadi.

Pagi ini dalam satu persidangan media di ibu pejabat PKR di Petaling Jaya, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan keputusan Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat [menamakan Anwar](#) sebagai calon, seandainya pilihan raya kecil diadakan.

Pilihan raya umum 2013 menyaksikan Lee memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kajang dengan majoriti 6,824 undi dalam pertembungan enam penjurua membabitkan calon dari BN, Berjasa dan tiga calon bebas.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source : <http://www.astroawani.com/news/show/bn-tunggu-spr-sebelum-umum-bertanding-dun-kajang-29060>